

Newspaper

Date

Berita Harian

13 February 2016

Hubungan mesra tak halang suarakan keadilan

Abdul Jalil Hamid
jalil@nstp.com.my



Los Angeles

Hubungan dua hala Amerika Syarikat-Malaysia yang berada di tahap terbaik ketika ini tidak akan menghalang Malaysia daripada bersuara mengenai Palestin dan isu penting lain.

Duta Malaysia ke AS, Datuk Dr Awang Adek Hussin, berkata kedua-dua negara memiliki hubungan akrab dan mesra.

"Bagaimanapun, jika kita berasa AS melampaui batas dalam erti kata bersikap tidak adil kepada negara kecil atau negara mana sekalipun, kita perlu menyuarakannya," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Awang Adek yang dilantik duta sejak tahun 2014, turut menyambut ketibaan Datuk Seri Najib Razak yang dalam rangka lawatan kerja enam hari ke AS.

Sepanjang di sini, Perdana Menteri akan menghadiri sidang kemuncak khas pemimpin AS-ASEAN yang dihoskan oleh Presiden Barack Obama pada Isnin dan Selasa ini.

Di sebalik keakraban yang mengikat Putrajaya-Washington,



Awang Adek menegaskan, Malaysia tetap menyatakan apa yang dianggap perlu disuarakan walaupun kepada rakan sendiri.

"Ada kalanya AS mendapati kita amat tegas dalam menyuarakan pandangan berhubung isu Palestin dan Asia Barat, termasuk ketika Malaysia menyatakan pendirian sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC).

Berdialog secara terbuka

"Itu prinsip kita. Kita akan nyatakannya termasuk kepada rakan yang dianggap boleh menerimanya dan saya rasa AS boleh berbuat demikian. Ini penting supaya kita boleh berdialog secara terbuka," katanya.

Keputusan untuk meningkatkan hubungan AS-Malaysia kepada 'Kerjasama Komprehensif' se-



Najib bersama Obama pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 di Kuala Lumpur, tahun lalu. (FOTO BERNAMA)

perti diumumkan dalam lawatan Obama pada April 2014, bermakna kedua-dua negara bekerjasama secara lebih luas berkaitan pelbagai isu berbanding sebelumnya.

Pengimbangan semula pentadbiran Obama terhadap rantau Asia Pasifik telah meletakkan keutamaan untuk meningkatkan

hubungan negara itu dengan Malaysia dan negara Asia Tenggara lain.

Malah, Najib sendiri kerap menyebut mengenai usaha mewujudkan hubungan lebih kukuh dengan AS sebagai sebahagian daripada dasar perkongsian manfaat.

Awal bulan ini, Malaysia ber-

sama 11 negara lain menyertai inisiatif ekonomi pentadbiran Obama di rantau itu dengan menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) bagi membentuk kerjasama perdagangan bebas terbesar dunia.

Obama menjadi Presiden AS pertama melawat Malaysia sejak tahun 1966 yang jelas menjadi pemangkin ke arah meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang.

Obama turut menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN dan sidang berkaitan di Kuala Lumpur pada November tahun lalu.

Dagangan dua hala Malaysia-AS bernilai AS\$30.2 bilion antara Januari hingga November 2015 membabitkan import mencecah AS\$17.2 bilion dan eksport AS\$13 bilion dengan Malaysia menikmati lebihan dagangan.

Bagi pelaburan langsung asing (FDI), Malaysia meluluskan 12 projek yang dikendalikan firma AS bernilai AS\$500 juta antara Januari hingga September 2015, melonjak lebih 30 peratus berbanding tempoh sama tahun 2014.

AS adalah pelabur terbesar di Malaysia selepas Jepun dengan pelaburan berjumlah AS\$28 bilion. Lebih 600 syarikat AS beroperasi di Malaysia dengan sebahagian besarnya industri elektronik dan teknologi maklumat.

BH-13/2/2016